

**Headline** : Hutan Hujan Belum Temenggor mungkin boleh mendapat pengiktirafan UNESCO.  
**Media Title** : Utusan Borneo Sarawak  
**Date** : 13 May 2014



# Hutan Hujan Belum-Temenggor mungkin boleh mendapat pengiktirafan UNESCO

Datuk Seri Najib Tun Razak mahu pihak dan agensi berkaitan mengkaji sama ada Hutan Hujan Belum-Temenggor di Gerik boleh diberi pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

Beliau berkata sekiranya hutan berkeluasan 300,000 hektar itu memenuhi kriteria sebagai tapak warisan dunia, maka kerajaan akan berusaha untuk membangunkan kawasan itu sekali gus dapat meningkatkan kunjungan pelancong ke hutan yang dipenuhi pelbagai spesies flora dan fauna itu.

"Bila ada klasifikasi sebagai tapak warisan dunia UNESCO, akan ada nilai ekonomi dan ramai pelancong akan datang ke sini tetapi mesti dibawa secara yang terancang dan dikawal rapi, kita nak pelancongan yang berkualiti," katanya ketika merasmikan fasa kedua Belum Rainforest Resort di Gerik baru-baru ini.

Turut hadir isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Pengurus Emkay Group Tan Sri Dr Mustapha Kamal Abu Bakar, Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah

Yusof dan Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Zulkifeli Md Zain.

Najib berkata Hutan Hujan Belum-Temenggor yang berusia 130 juta tahun itu, lebih tua daripada Hutan Amazon, terkenal dengan keunikan spesies biodiversitinya yang hampir pupus selain banyak unsur perubatan dan nilai terapeutik berharga di dalam hutan itu.

"Saya lihat spesies hornbill (enggang) di sini lebih banyak daripada Sarawak. Ini sesuatu yang kita tidak tahu, dari segi keindahan flora

dan fauna, ada unsur perubatan, nilai terapeutik yang sudah tentu merupakan anugerah Ilahi kepada kita yang mesti kita hargai," kata Najib.

Perdana Menteri berkata kerajaan menyumbang

sebanyak RM2.5 juta kepada Emkay Group membangunkan kawasan ini sehingga

menjadikannya sebuah daripada resort unik yang membolehkan pengunjung menghayati keindahan alam semula jadi.

"Tan Sri Mustapha Kamal telah membelanjakan lebih RM100 juta untuk bangunkan Belum Rainforest Resort ini dan segala cabang yang berkaitan dengannya. Ini bukan sesuatu yang mudah, beliau mempunyai semangat yang tinggi kerana pelaburannya untuk memulangkan hasilnya kepada komuniti, negara dan yang lebih penting untuk generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata pelaburan itu bukanlah sekadar berasaskan keuntungan tetapi lebih kepada mendidik anak bangsa untuk mencintai warisan dan menerapkan kesedaran untuk menghargai keunikan ekosistem di hutan itu.

Najib turut menggalakkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini supaya terlibat dalam penyelidikan

di Pulau Banding Rainforest Research Centre bersama-sama dengan IPT dan saintis dari luar negara untuk mengkaji alam semula jadi Belum-Temenggor.

Najib berkata beliau cukup teruja apabila berpeluang melawat tempat menarik di sekitar hutan hujan itu antaranya perkampungan Orang Asli di Kampung Sungai Tiang serta Green Ranger

Malaysia di Banding Base Camp dan menyifatkan lawatan itu sebagai pengalaman unik yang cukup bermakna.

Katanya hutan hujan itu turut membangkitkan nostalgia kerana ayahanda beliau Tun Abdul Razak merupakan orang yang bertanggungjawab membuka Empangan Temenggor pada tahun 1974.

"Apa yang agak menarik bahawa satu konsep yang berpaksikan pada soal keselamatan dalam memerangi ancaman komunis telah bertukar kepada konsep baharu iaitu bagaimana kita boleh menjadikan Hutan Belum ini sebagai satu pemangkin kepada budaya untuk mencintai

**Headline** : Hutan Hujan Belum Temengor mungkin boleh mendapat pengiktirafan UNESCO.  
**Media Title** : Utusan Borneo Sarawak  
**Date** : 13 May 2014

alam sekitar dan warisan negara ini. "Maka saya ingin memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri Mustapha Kamal kerana telah memulakan satu inisiatif yang sangat bermakna untuk negara kita dan generasi yang akan datang," katanya. Hutan Hujan Belum-Temengor mempunyai empat hutan simpan iaitu Taman Negeri

Royal Belum, Hutan Simpan Belum, Hutan Simpan Temenggor dan Hutan Simpan Gerik. Mengenai fasa kedua Belum Rainforest Resort,

Najib berkata dengan pelbagai kemudahan bertaraf empat bintang yang disediakan, ia boleh dijadikan pilihan kepada tetamu negara untuk mengadakan perbincangan ala 'David Camp' di Amerika Syarikat.

Fasa kedua Belum Rainforest Resort dilengkapi kemudahan tambahan kepada 70 bilik sedia ada iaitu 36 Deluxe Suite, enam buah chalet tradisional bercirikan kampung, sebuah villa eksklusif, kolam renang dan sebuah Base Camp.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif


Emkay Group Ahmad Khalif Mustapha Kamal berkata Malaysia akan menghantar kertas kerja berhubung cadangan meletakkan Hutan Hujan Belum-Temengor sebagai tapak warisan dunia dua tahun lagi kerana buat masa ini negara masih menjadi anggota jawatankuasa kelulusan tapak warisan dunia UNESCO.

"Kita telah memberitahu kerajaan negeri Perak bahawa Yayasan Pulau Banding berbesar hati untuk menjadi sekretariat dalam membantu

menjadikan hutan ini sebagai tapak warisan dunia seperti Pulau Pinang dan Melaka.


"Sekiranya kita layak untuk pengiktirafan itu, maka kita dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia yang teruja untuk melawat destinasi ekopelancongan yang unik ini," katanya selepas perasmian itu.

Ahmad Khalif berkata sekiranya perkara itu dapat direalisasikan dalam masa dua ke tiga tahun, maka Hutan Hujan Belum-Temengor akan menjadi sumber pendapatan baharu di Perak. — Bernama



**HARMONI:** Pemandangan indah dan damai di Belum Rainforest Resort di Gerik. — Gambar Bernama

**Headline** : Hutan Hujan Belum Temengor mungkin boleh mendapat pengiktirafan UNESCO.  
**Media Title** : Utusan Borneo Sarawak  
**Date** : 13 May 2014



**EKSKLUSIF:** Fasa kedua Belum Rainforest Resort di Gerik dilengkapi pelbagai kemudahan bertaraf empat bintang. — Gambar Bernama



Menteri Besar Perak

**Headline** : PM rasmi Galeri Banding Memori Lebuh Raya Timur Barat  
**Media Title** : Utusan Borneo Sarawak  
**Date** : 13 May 2014



**MESRA:** Najib (tengah) ketika melawat Galeri Banding Memori Lebuh Raya Timur Barat yang terletak berhadapan dengan Belum Rainforest Resort di Gerik baru-baru ini. — Gambar Bernama

## PM rasmi Galeri Banding Memori Lebuh Raya Timur Barat

**GALERI** Banding Memori Lebuh Raya Timur Barat dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini, terletak berhadapan dengan Belum Rainforest Resort di Gerik.

Galeri itu menempatkan sebuah kubu pemerhati yang digunakan anggota tentera pada masa dahulu ketika menentang ancaman komunis yang cuba menggagalkan projek

Lebuh Raya Timur Barat yang menghubungkan Gerik, Perak dengan Jeli di Kelantan.

Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor diiringi Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zamby Abdul Kadir, Pengurus Kumpulan Emkay Tan Sri Dr Mustapha Kamal Abu Bakar dan Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Md Zain, meluangkan masa kira-kira 20 minit melawat galeri itu.

Galeri berkenaan dipulihara dengan bantuan Muzium Tentera Darat dan Kumpulan Emkay.

Galeri itu dibuka kepada umum dan bakal menjadi tarikan kepada sesiapa yang ingin mendalam sejarah pengorbanan anggota tentera ketika berjuang mempertahankan negara daripada ancaman komunis semasa zaman darurat. — Bernama